

MENDEPANI CABARAN, MENERAJUI MASA DEPAN

RINGKASAN RANCANGAN KORPORAT 2022 - 2024



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

ISI KANDUNGAN

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) menerbitkan Rancangan Korporat pada setiap tahun. Rancangan Korporat ini menggariskan tumpuan strategik PIDM bagi tempoh perancangan tiga tahun, inisiatif korporat dan sasaran prestasi serta bajetnya.




AN

PERANAN DAN MANDAT	1
PENGURUSAN RISIKO DAN PERKARA-PERKARA MATERIAL LAIN	2
TUMPUAN STRATEGIK	4
SOROTAN RANCANGAN KEWANGAN 2022	8
KESIMPULAN	11

PERANAN DAN MANDAT

PIDM merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM) 2005.¹ Ia ditadbir oleh Lembaga Pengarah yang dianggotai sembilan ahli dan melapor kepada Parlimen melalui Menteri Kewangan. PIDM, bersama-sama Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia (BNM), membentuk sebahagian daripada jaringan keselamatan kewangan negara dengan mandat,² visi dan misi seperti berikut.



¹ Akta terkini ialah Akta PIDM 2011 berikutan pelbagai pindaan


² Seksyen 4 Akta PIDM

PENGURUSAN RISIKO DAN PERKARA-PERKARA MATERIAL LAIN

PIDM menitikberatkan pelaksanaan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh kerana ianya adalah penting bagi mencapai mandat dan objektif kami.


Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM menerima pakai pendekatan berstruktur dan bersepadu dalam pengurusan risiko utamanya. Ia melibatkan pengenalpastian dan penilaian risiko yang boleh menjejaskan pencapaian objektif PIDM, penggubalan pelan tindakan, serta pemantauan dan pelaporan risiko secara tetap.

Dalam membangunkan Rancangan Korporat ini, PIDM telah melaksanakan penilaian risikonya berdasarkan kategori berikut.



PENGURUSAN RISIKO DAN PERKARA-PERKARA MATERIAL LAIN

Persekitaran operasi PIDM dan penilaian risikonya dipengaruhi oleh impak krisis kesihatan awam berterusan terhadap ekonomi. Bagi tempoh perancangan, ketidaktentuan yang berlaku secara berterusan menjurus PIDM untuk meningkatkan lagi kesediaannya dalam memastikan ketangkasan bagi mendepani sebarang cabaran. Bidang utama tumpuan risiko PIDM digariskan seperti berikut.



TUMPUAN STRATEGIK

Sejak penubuhannya pada tahun 2005, PIDM telah membina asas yang kukuh bagi mentadbir sistem perlindungan konsumer kewangan dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan negara, dalam keadaan persekitaran yang berubah-ubah. Sepanjang 16 tahun beroperasi, PIDM telah membuat penambahbaikan ke atas asas tersebut dan juga mengeratkan lagi kerjasama dengan pemegang kepentingan utama secara berterusan. Kini PIDM lebih bertumpu kepada usaha memastikan keupayaannya bagi mendepani sebarang perubahan dalam persekitaran operasi semasa dan memacu fokus PIDM ke arah mencapai matlamat utamanya sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumer kewangan dan resolusi dengan efektif.

Mengekalkan hala tuju masa kini

Cabaran pada tahun 2020 akibat pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia adalah sesuatu yang belum pernah dialami sebelum ini, ditambah pula dengan kemajuan teknologi yang pesat serta perubahan keperluan kawal selia dan juga keperluan konsumer. Dalam persekitaran yang tidak menentu ini, PIDM mengekalkan tumpuan kepada usaha semasa iaitu memperkukuh keyakinan konsumer kewangan di Malaysia dan menggalakkan kestabilan sistem kewangan bagi memastikan kami sentiasa bersedia untuk melaksanakan resolusi, di samping menyokong pemulihan ekonomi.

Meninjau peralihan masa depan

Meskipun perubahan dan peralihan trend mendatangkan cabaran, ianya juga telah memberi peluang kepada PIDM untuk menilai semula keutamaan masa depan. Menyedari bahawa sistem kewangan semasa mengalami perubahan pesat dari segi bentuk dan strukturnya, PIDM akan memastikan pertimbangan dibuat terhadap impak inovasi kewangan dan digital serta risiko berkaitan yang boleh menjejaskan pencapaian mandat kami. Selain itu, PIDM juga meneruskan usahanya dalam memodenkan lagi operasi dan sumber bagi masa depan.

Mendepani Cabaran, Menerajui Masa Depan

Tema Rancangan Korporat 2022 - 2024, “Mendepani Cabaran, Menerajui Masa Depan”, merangkumi kedua-dua aspek tersebut, dan berteraskan tiga tonggak strategik:



Tiga tonggak strategik ini mengambil kira kebanyakan inisiatif PIDM yang sedang dilaksanakan, di samping merangkumi keutamaan baharu selaras dengan anjakan strategik masa depan. Sehubungan itu, perbelanjaan adalah perlu agar ketangkasan dan kesediaan PIDM dapat dikekalkan, baik pada masa kini mahupun pada masa depan. Rancangan kewangan yang dibangunkan adalah untuk memenuhi keperluan tenaga kerja dengan kemahiran yang baharu dan lebih khusus, menyokong inisiatif transformasi baharu serta meneruskan inisiatif yang sedia ada.

TUMPUAN STRATEGIK

Berikut adalah tinjauan strategi PIDM bagi tempoh perancangan 2022 - 2024.



TUMPUAN STRATEGIK

Ringkasan Inisiatif Korporat 2022 - 2024

Inisiatif korporat PIDM merangkumi rancangan bagi menangani risiko dan perkara-perkara material yang telah dikenalpasti. Berikut adalah sorotan inisiatif korporat PIDM.



KESEDIAAN RESOLUSI

Memajukan kolaborasi untuk kesediaan resolusi

Bagi tempoh perancangan, kesediaan resolusi kekal sebagai keutamaan dan teras pencapaian PIDM. Sejak penubuhannya, PIDM telah membangunkan kapasiti dalaman secara berterusan bagi tujuan kesediaan intervensi dan resolusi kegagalan. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan intervensi dan resolusi kegagalan, pemahaman yang mendalam tentang protokol antara PIDM dan pihak pemegang kepentingan utamanya adalah penting.

Pelan Persediaan bertumpu kepada persediaan dan juga koordinasi ketika situasi krisis dengan tujuan meningkatkan keupayaan PIDM, sama ada di peringkat institusi mahupun antara agensi, untuk bertindak pantas dan efektif apabila berlaku sesuatu kegagalan atau ketika situasi krisis.

Pelan Resolusi yang dibangunkan ketika operasi seperti biasa (*business-as-usual*) bertumpu kepada kesediaan PIDM untuk melaksanakan tindakan resolusi terhadap institusi ahli yang tidak lagi berdaya maju. Di samping itu, tumpuan juga diberikan kepada usaha untuk meningkatkan kesediaan pihak industri dalam tindakan resolusi bersama PIDM. Bagi tujuan ini, PIDM akan bekerjasama dengan institusi ahli, penyedia perkhidmatan, pengendali sistem pembayaran dan pihak berkuasa lain yang berkaitan di peringkat domestik dan antarabangsa.

Inisiatif korporat yang menyokong tonggak strategik ini termasuk:

- **Persediaan menangani krisis.** Meningkatkan lagi kesediaan PIDM menangani krisis dengan membangunkan kandungan kesiapsiagaan antara agensi-agensi yang berkaitan, termasuk pelaksanaan program berasaskan risiko yang berbilang tahun bagi mengutamakan aktiviti simulasi dan latihan pengesahan, untuk tujuan pengujian dan latihan berkala.
- **Perancangan resolusi.** Mengadakan perundingan di peringkat industri tentang perancangan resolusi termasuk memperhalusi garis panduan perancangan resolusi berdasarkan maklum balas bank perintis, menggiatkan penglibatan institusi ahli, meneruskan usaha kerjasama resolusi rentas sempadan dan membina platform Teknologi Resolusi (*Resolution Technology*) untuk meningkatkan kecekapan, menambah baik analisis dan penilaian strategik.
- **Kesediaan penyedia perkhidmatan dan pengendali sistem pembayaran.** Meningkatkan tahap kesediaan penyedia perkhidmatan berkaitan dan pengendali sistem pembayaran tertentu bagi pelaksanaan intervensi dan resolusi kegagalan secara efektif, melalui sesi penglibatan termasuk program pengetahuan.
- **Kesediaan pembayaran balik deposit.** Melaksanakan platform pembayaran elektronik yang baharu untuk membolehkan pembayaran deposit yang diinsuranskan oleh PIDM dibuat secara elektronik tanpa penglibatan aktif pendeposit dalam transaksi tersebut.

TUMPUAN STRATEGIK



KEPERCAYAAN PEMEGANG KEPENTINGAN

Menggiatkan penglibatan pemegang kepentingan

Kepercayaan pemegang kepentingan merupakan salah satu faktor utama kejayaan PIDM. Ia juga tonggak utama dalam banyak aspek yang berkaitan dengan prestasi PIDM serta penting bagi memenuhi mandatnya, yang termasuk melindungi pendeposit dan pemilik sijil takaful dan insurans, serta menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Dalam situasi ketidakpastian di mana terdapat kebimbangan terhadap daya maju sesebuah institusi ahli, pemegang kepentingan PIDM termasuk orang awam perlu yakin dan percaya terhadap kredibiliti PIDM, sebagai pihak berkuasa yang mentadbir sistem tersebut dan menyediakan perlindungan ini.

Pelan Kesedaran bertumpu kepada pemahaman yang lebih tinggi dan advokasi orang awam terhadap mandat, peranan dan tanggungjawab PIDM, bagi memastikan kepercayaan dan keyakinan orang awam terhadap PIDM.

Pelan Penyelidikan dan Visibiliti bertumpu kepada pencapaian strategik PIDM iaitu meningkatkan kepercayaan dan keyakinan pemegang kepentingan terhadap keupayaan PIDM dalam memenuhi mandatnya dengan menjalankan penyelidikan yang berkaitan dan membangunkan kandungan dalam bidang resolusi institusi kewangan serta perlindungan konsumen kewangan, di samping penglibatan dengan pihak pemegang kepentingan domestik dan antarabangsa secara proaktif.

Inisiatif korporat yang menyokong tonggak strategik ini termasuk:

- **Inisiatif kesedaran awam.** Melaksanakan inisiatif kesedaran awam melalui pelbagai saluran termasuk melancarkan kempen daya tahan kewangan PIDM 2.0 dan simposium literasi kewangan untuk orang awam, serta bekerjasama dengan Jaringan Pendidikan Kewangan dan rakan strategik lain. Mengekalkan paras indeks kesedaran awam sekurang-kurangnya pada tahap 75% dan mencapai tahap advokasi pada 50%.
- **Penyelidikan dan pembangunan kandungan.** Meningkatkan visibiliti dan reputasi PIDM dalam kalangan pemegang kepentingan melalui pembangunan kandungan penyelidikan yang sesuai dan penganjuran acara di peringkat antarabangsa bagi skim jaminan insurans. Meneruskan penglibatan dengan pihak pemegang kepentingan utama sama ada di peringkat domestik dan antarabangsa, melalui pelbagai saluran.



KEUPAYAAN ORGANISASI

Melaksanakan transformasi kerja dan kakitangan PIDM

Kakitangan, proses dan teknologi merupakan peneraju utama bagi PIDM untuk menjadi sebuah organisasi yang tangkas dan bersedia untuk masa depan. Agenda transformasi ini melibatkan perancangan strategi jangka panjang.

Pelan Transformasi Organisasi merangkumi pendigitalan dan keselamatan siber, operasi insurans deposit dan penambahbaikan, modal insan, serta kemampanan dan tanggungjawab sosial korporat.




Inisiatif korporat yang menyokong tonggak strategik ini termasuk:

- **Pendigitalan dan keselamatan siber.** Melaksanakan transformasi digital berpandukan pelan hala tuju yang dibangunkan pada tahun 2021. Ini termasuk penggubalan dan transformasi budaya korporat, pertimbangan penggunaan teknologi awan (*cloud technology*) dan memastikan pertahanan keselamatan siber yang kukuh.
- **Operasi insurans deposit dan penambahbaikan.** Meneruskan kajian semula dan mempertingkatkan pendekatan penilaian, metodologi dan petunjuk rangka kerja sistem premium dan levi berbeza dengan mengambil kira maklum balas yang relevan daripada industri. Melaksanakan Keperluan Keahlian Bank Digital bagi kemasukan bank digital sebagai bank ahli PIDM.
- **Modal insan strategik.** Mengemaskini strategi modal insan PIDM dengan memberi tumpuan kepada perancangan penggantian, pembangunan dan pengekalan tenaga kerja, pembaharuan budaya kerja serta kemahiran kerja yang baharu selaras dengan agenda pendigitalan PIDM.
- **Kemampanan dan tanggungjawab sosial korporat.** Menerapkan amalan kemampanan secara lebih meluas, dengan fokus terhadap alam sekitar dan mengenal pasti keadaan atau tahap semasa jejak karbon (*carbon footprint*). PIDM juga akan membangunkan sasaran jangka panjang dan pelbagai pelan tindakan berkaitan serta memupuk budaya kemampanan.

SOROTAN RANCANGAN KEWANGAN 2022

Bajet Berkaitan Inisiatif

Bajet perbelanjaan tahun 2022 telah digubal untuk menyokong kesinambungan inisiatif berterusan dan keutamaan baharu seperti yang diperincikan dalam tiga tonggak strategik PIDM. Sejumlah RM20 juta perbelanjaan operasi dan RM5.7 juta perbelanjaan pembangunan telah diperuntukkan untuk melaksanakan inisiatif yang dirancang.




Petunjuk:

- Kesediaan Resolusi
- Kepercayaan Pemegang Kepentingan
- Keupayaan Organisasi

SOROTAN RANCANGAN KEWANGAN 2022

Bajet perbelanjaan tahun 2022 juga adalah untuk memastikan operasi harian yang efektif dengan mengambil kira persekitaran operasi semasa. Modal insan kekal sebagai kunci utama dalam memenuhi mandat dan tumpuan strategik yang digariskan dalam Rancangan Korporat ini. Oleh yang demikian, perbelanjaan modal insan merupakan perbelanjaan utama dalam perbelanjaan operasi PIDM. PIDM juga terus mengamalkan pengurusan kewangan berhemat bagi memastikan perbelanjaan operasinya kekal stabil, di samping menumpukan sumber kewangan bagi keperluan inisiatif-inisiatif di bawah tonggak strategik. Dalam usaha untuk menjadi sebuah organisasi yang tangkas dan bersedia untuk masa depan, serta memastikan operasi yang cekap dan efektif dalam tempoh jangka panjang, PIDM juga akan membuat peruntukan untuk meningkatkan dan memperbaharui sistem dan infrastruktur operasi kami.

Bagi tahun 2022, bajet perbelanjaan operasi adalah sebanyak RM117 juta dan bajet perbelanjaan pembangunan adalah sebanyak RM10.8 juta, berbanding RM108 juta dan RM5.8 juta masing-masing pada tahun 2021.



SOROTAN RANCANGAN KEWANGAN 2022

Proforma yang menggambarkan unjuran pendapatan PIDM serta bajet perbelanjaan operasi dan pembangunan untuk tahun 2022 dinyatakan seperti di bawah.

Unjuran Pendapatan dan Bajet Perbelanjaan Operasi

	Bajet 2022		Unjuran 2021*		Bajet 2021	
	RM' 000	(%)	RM' 000	(%)	RM' 000	(%)
Hasil						
Premium dan levi	650,000	82	316,100	72	325,000	68
Pendapatan pelaburan dan pulangan	140,000	18	123,800	28	150,000	32
Jumlah Pendapatan	790,000	100	439,900	100	475,000	100
Perbelanjaan Operasi						
Perbelanjaan pengurusan modal insan	72,000	61	64,700	67	68,350	63
Perbelanjaan operasi dan pentadbiran	19,500	17	15,100	16	18,850	18
Perbelanjaan berkaitan inisiatif	20,000	17	10,500	11	14,300	13
Jumlah Perbelanjaan Operasi sebelum Perbelanjaan Bukan Tunai	111,500	95	90,300	94	101,500	94
Perbelanjaan bukan tunai	5,500	5	5,700	6	6,500	6
Jumlah Perbelanjaan Operasi	117,000	100	96,000	100	108,000	100
Lebihan Bersih	673,000		343,900		367,000	

Bajet Perbelanjaan Pembangunan

	Bajet 2022		Unjuran 2021*		Bajet 2021	
	RM' 000	(%)	RM' 000	(%)	RM' 000	(%)
Perbelanjaan Pembangunan						
Perabot, kelengkapan dan pengubahsuaian pejabat	5,140	48	165	5	50	1
Sistem komputer dan peralatan pejabat	5,660	52	3,175	95	5,500	95
Kenderaan	-	-	-	-	250	4
Jumlah	10,800	100	3,340	100	5,800	100

* Unjuran 2021 = Sebenar (Januari - November 2021) + Unjuran (Disember 2021)

Unjuran Pendapatan

Hasil premium dan levi dijangka kembali pada tahap terdahulu selaras dengan kadar yang ditetapkan sebelum pandemik COVID-19. Berikutan persekitaran kadar faedah dan keuntungan yang rendah, pendapatan pelaburan dan pulangan dijangka meningkat pada kadar sederhana selaras dengan peningkatan hasil premium dan levi serta kadar pulangan konservatif.

Bajet Perbelanjaan Operasi

- **Pengurusan modal insan.** Modal insan merupakan aset utama kami. Sehubungan itu, perbelanjaan modal insan adalah perlu untuk menarik minat dan mengekalkan tenaga kerja yang kompeten dari segi kemahiran teknikal dan perlakuan, mengukuhkan tenaga kerja PIDM terutamanya bagi fungsi berkaitan resolusi serta membina kemahiran digital dan analisis data.
- **Operasi dan pentadbiran.** Perbelanjaan ini kekal menunjukkan trend yang stabil selaras dengan amalan pengurusan berhemat dan mengoptimalkan sumber yang ada. Sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan keberkesanan operasi dalam tempoh jangka panjang, perbelanjaan juga akan dibuat untuk menambah baik dan memperbaharui semula infrastruktur operasi kami, termasuk penyusunan semula ruang pejabat PIDM dengan kelengkapan teknologi yang sesuai dengan perkembangan semasa.

KESIMPULAN

Memantau Kemajuan Perancangan berbanding Pelan yang Diluluskan

Petunjuk prestasi utama bagi setiap kakitangan akan dibangunkan berlandaskan kepada inisiatif korporat. Program ganjaran dan manfaat PIDM berkait dengan pencapaian inisiatif yang dinyatakan dalam Rancangan Korporat ini.

Kemajuan inisiatif korporat akan dipantau dan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit dan juga Lembaga Pengarah PIDM.

Prestasi PIDM bagi tahun 2022 akan dilaporkan dan diterbitkan dalam Laporan Tahunannya.

Halangan Pencapaian Rancangan Korporat

Perubahan drastik dalam persekitaran operasi, intervensi atau resolusi kegagalan sesebuah institusi ahli, atau kehilangan kakitangan utama, boleh menghalang pencapaian Rancangan Korporat PIDM. Sekiranya terdapat risiko yang boleh menghalang pencapaian Rancangan Korporat ini, PIDM akan menilai semula pengutamaan inisiatif dan menyelaras sumber yang ada dan pada masa yang sama mengekalkan operasi semua fungsi kritikal. Memandangkan perkara-perkara sebegini adalah di luar kawalan, PIDM akan terus memantau risiko-risiko berkenaan, dan sentiasa mengkaji semula pelan luar jangka bagi memastikan kesannya dapat dikurangkan.

PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA

Aras 12, Menara Axiata, No.9, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.



1-800-88-1266



info@pidm.gov.my



www.pidm.gov.my



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

